

Headline	Titian kanopi FRIM direhatkan selepas 25 tahun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	603 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,027
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,081



Titian kanopi FRIM 'direhatkan' selepas 25 tahun

KHIDMAT titian kanopi, antara tarikan utama pengunjung ke kawasan FRIM Kepong, Kuala Lumpur akan berakhir 30 Jun ini apabila Ketua Pengarahnya **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod** mengumumkan penutupannya bermula tarikh tersebut.

“Mengambil sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa (IDF) kali ini yang berfokuskan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan, bagi pihak FRIM, saya mengumumkan penutupan titian kanopi untuk pengunjung,” ujarnya.

Beliau berkata, titian kanopi FRIM ini merupakan salah satu tarikan ekopelancongan utama FRIM semenjak 25 tahun lalu.

Namun katanya, berikutan kejadian hujan ribut pada penghujung 2015, akses ke

titian kanopi tersebut telah dibuka dan ditutup beberapa kali bagi memberi ruang kepada penyelenggaraan dan penilaian keselamatan.

Oleh kerana berdasarkan analisis berterusan ini, laluan ini memerlukan masa yang lama untuk *regeneration* atau pemulihan.

Selain itu, pokok sokongan titian kanopi ini juga tidak sihat dan berisiko untuk menampung beban struktur titian, ditambah dengan beban pengunjung.

“Kita berhasrat untuk membangunkan titian kanopi yang baharu dalam masa antara tiga hingga lima tahun,”ujarnya.

Tambah beliau, FRIM sedang berusaha mendapatkan peruntukan sebanyak RM3.5 juta untuk membina satu sistem titian yang diperbuat daripada

kerangka aluminium.

Sistem ini dijamin lebih selamat dan kurang memberi impak negatif terhadap pokok dan alam sekitar.

Namun katanya, titian kanopi berkenaan yang panjangnya kira-kira 150 meter (m) akan direhatkan dan penilaian seterusnya akan dibuat sama ada boleh diteruskan khidmatnya bergantung kepada hasil kajian.

“Jika ini berlaku, kita akan ada dua titian kanopi untuk menarik pengunjung,” kata beliau.

Mengenai cadangan titian kanopi baharu, Dr. Abdul Latif berkata, panjangkan melebihi sekali ganda iaitu kira-kira 300m atau mungkin boleh mencecah 500m.

Pengunjung akan berpeluang melihat panorama Kuala Lumpur dan sekitarnya.

APA KATA MEREKA



INI memberi peluang kepada saya lebih memahami dan menghayati pentingnya hutan di sekeliling kita

MOHD. HANAFI AB. LATIF
PEMENANG Pertandingan Fotografi 2016 (Tempat Ketiga)



PENDEDAHAN baharu kepada saya dan wajar diteruskan

TAN LING SUAN, 75.
PENULIS



BESAR maknanya usaha penanaman pokok ini, semoga ia tumbuh untuk kita nikmati nanti.

MOHAMAD NAIM ABDUL RAZAK, 25.
PELAJAR KLMU



KITA wajar menggalakkan aktiviti penanaman pokok yang akan menjadi warisan


MAHANI MUHAMAD, 48.
SURI rumah



KITA menanam pokok untuk memberi pendidikan dan kesedaran mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar dengan memulihara hutan

LILY ALYSA MIOR AZRI, 21.
PELAJAR

Headline	Titian kanopi FRIM direhatkan selepas 25 tahun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	603 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,027
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,081



TITIAN kanopi FRIM akan ditutup menjelang Jun ini.